



**SIARAN MEDIA**

*MEDIA RELEASE*

**INDEKS JUALAN RUNCIT  
DAN  
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN  
SUKU TAHUN KEDUA 2024**

*RETAIL SALES INDEX  
AND  
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
SECOND QUARTER 2024*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam



## **SIARAN MEDIA**

### **JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

#### **INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU TAHUN KEDUA 2024**

#### **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Prestasi Jualan Runcit dan Jualan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Mencatatkan Penurunan Tahun-ke-tahun Pada Suku Tahun Kedua 2024**

1. Pada suku tahun kedua (Q2) 2024, jualan runcit telah mencatatkan penurunan sebanyak 6.1 peratus berbanding Q2 2023, dengan hasil jualan menurun daripada BND446.1 juta kepada BND418.9 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 5.9 peratus berbanding Q2 2023, yang menunjukkan penurunan permintaan domestik.
2. Penurunan hasil jualan runcit adalah didorong terutamanya oleh penurunan jualan Peralatan Perabot dan Rumah sebanyak 19.0 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus sebanyak 9.3 peratus; jualan di Pasaraya sebanyak 6.9 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 6.0 peratus.
3. Berbanding dengan suku tahun pertama (Q1) 2024, nilai dan volum jualan runcit pada suku tahun kedua (Q2) 2024 juga telah mencatatkan penurunan. Nilai jualan runcit telah menurun sebanyak 6.4 peratus didorong terutamanya oleh penurunan jualan Peralatan Perabot dan Rumah sebanyak 23.0 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus sebanyak 13.9 peratus; jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus sebanyak 11.3 peratus; jualan di Pasaraya sebanyak 5.7 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 4.5 peratus.

4. Bagi prestasi jualan perkhidmatan makanan dan minuman, ianya telah menurun sebanyak 1.0 peratus berbanding Q2 2023, dengan hasil jualan menurun daripada BND111.5 juta kepada BND110.4 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.6 peratus berbanding Q2 2023, yang menunjukkan penurunan permintaan domestik.
5. Penurunan hasil jualan makanan dan minuman adalah disebabkan oleh penurunan hasil jualan bagi Kedai Makanan Segera sebanyak 3.2 peratus; Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan sebanyak 3.1 peratus; dan Restoran sebanyak 1.5 peratus.
6. Berbanding dengan suku tahun pertama (Q1) 2024, nilai dan volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman pada suku tahun kedua (Q2) 2024 telah mencatatkan peningkatan. Nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah meningkat sebanyak 1.3 peratus pada suku tahun kedua (Q2) 2024 yang didorong oleh peningkatan hasil jualan bagi Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 6.3 peratus; Kedai Makanan Segera sebanyak 3.1 peratus; dan Restoran sebanyak 1.8 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



**MEDIA RELEASE**

**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
SECOND QUARTER 2024**

**BRUNEI DARUSSALAM**

---

***Retail Sales and Food & Beverage Services Sales Recorded A Year-on-year Decrease In  
Second Quarter 2024***

- 1. In the second quarter (Q2) 2024, retail sales recorded a decrease of 6.1 per cent compared to Q2 2023, with sales revenue decreasing from BND446.1 million to BND418.9 million. In terms of volume, retail sales activity also recorded a negative growth of 5.9 per cent compared to Q2 2023, indicating a fall in domestic demand.*
- 2. The decrease in sales revenue of retail sales was mainly attributed to the decrease in sales of Furniture and Household Equipment by 19.0 per cent, followed by sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores by 9.3 per cent; sales at Supermarket by 6.9 per cent; and sales at Department Store by 6.0 per cent.*
- 3. Compared to the first quarter (Q1) of 2024, the retail sales value and volume in Q2 2024 also decreased. The retail sales value decreased by 6.4 per cent, driven mainly by decreases in the sales of Furniture and Household Equipment by 23.0 per cent, followed by sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores by 13.9 per cent; sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores by 11.3 per cent; sales at Supermarket by 5.7 per cent; and sales at Department Store by 4.5 per cent.*

4. *As for sales of food and beverage services, a decrease of 1.0 per cent was recorded compared to Q2 2023, with sales revenue decreasing from BND111.5 million to BND110.4 million. In terms of volume, food and beverages activity also recorded a negative growth of 1.6 per cent compared to Q2 2023 indicating a decrease in domestic demand.*
5. *The decrease in sales revenue of food and beverage was attributed to the decline in sales revenue of Fast-Food Outlets by 3.2 per cent; Other Food Service Activities by 3.1 per cent; and Restaurants by 1.5 per cent.*
6. *Compared to Q1 2024, the sales value and volume of food and beverage services in Q2 2024 have increased. The sales value of food and beverage services increased by 1.3 per cent in Q2 2024 due to increases in sales revenue of Beverage Serving Activities by 6.3 per cent; Fast-Food Outlets by 3.1 per cent; and Restaurants by 1.8 per cent.*
7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provide an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*